



**SYARAT DAN PERATURAN
FOTOGRAFI DAN PENGGAMBARAN DI
KRAFTANGAN MALAYSIA**

1. Permohonan penggambaran perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia atau Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat sekurang-kurangnya 2 hari bekerja sebelum tarikh penggambaran. Pihak Kraftangan Malaysia berhak menolak permohonan yang diterima kurang dari masa yang ditetapkan.
2. Waktu dan masa yang dibenarkan untuk pihak agensi menjalankan penggambaran adalah seperti berikut :

Isnin – Ahad	10.00 pagi – 6.00 petang
Cuti Umum	TIDAK DIBENARKAN

3. Pihak agensi hanya dibenarkan mengalih produk kraf yang dipamerkan mengikut keperluan penggambaran dengan hanya kebenaran dari pegawai yang bertugas. Produk yang telah dialih hendaklah diletakkan semula di tempat asal setelah selesai penggambaran.
4. Sepanjang penggambaran dijalankan, agensi tidak dibenarkan mengambil gambar dalam bentuk catalog (*produk shoot*)
5. Pihak agensi adalah bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi kepada Kraftangan Malaysia atas sebarang kemusnahan dan kerosakan yang diakibatkan oleh aktiviti penggambaran
6. Kraftangan Malaysia tidak akan bertanggungjawab di atas segala kecederaan, kehilangan, kerosakan peralatan atau kos tambahan yang ditanggung pihak agensi.
7. Caj bayaran adalah seperti berikut :

a) Penggambaran

Hari / Masa	3 jam pertama	Setiap jam berikutnya
Isnin – Jumaat	RM400.00	RM100.00
Sabtu & Ahad	RM800.00	RM100.00

b) Fotografi (Gambar Pegun)

Hari / Masa	3 jam pertama	setiap jam berikutnya
Isnin – Jumaat	RM200.00	RM50.00
Sabtu & Ahad	RM400.00	RM50.00

8. Bayaran perlu dibuat **SEBELUM** memulakan penggambaran melalui tunai atau cek di atas nama **PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA**.
9. Sekiranya pembayaran telah dibuat dan pihak agensi membatalkan penggambaran di atas sebab yang tertentu, wang bayaran akan dikembalikan dalam tempoh 7 hari bekerja.
10. Bagi agensi yang telah dikecualikan bayaran hendaklah memberi **Credit Line** kepada Kraftangan Malaysia dengan memaparkan logo dan perkataan '**PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA**' di dalam semua bahan media cetak / elektronik terbitan agensi yang melibatkan lokasi penggambaran.
11. Kraftangan Malaysia berhak menolak, menghalang dan membatalkan penggambaran sekiranya ianya melanggar dasar dan polisi Kraftangan Malaysia atau Kerajaan.
12. Pihak agensi perlu menjaga kebersihan di sekitar kawasan penggambaran.
13. Semua hasil penggambaran di Kraftangan Malaysia tidak boleh digunakan untuk tujuan lain selain dari yang dibenarkan mengikut permohonan.
14. Kraftangan Malaysia berhak untuk meminda syarat dan peraturan penggambaran dari semasa ke semasa.